



29 OCT, 2021

FAMA teruskan usaha projek menaik taraf pasar tamu termasuk di Sarawak

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

FAMA teruskan usaha projek menaik taraf pasar tamu termasuk di Sarawak

KUCHING: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan meneruskan usaha projek menaik taraf pasar tamu termasuk di Sarawak dalam usaha mentransformasikan serta mengukuhkan rangkaian peruncitan pasar berkenaan.

Ketua Pengarah FAMA Datuk Zainal Abidin Yang Razalli berkata kerajaan persekutuan memperuntukkan kepada FAMA untuk menaik taraf pasar tamu sedia dan selepas itu ia akan diserahkan kepada pihak berkuasa tempatan.

“Di Sarawak setakat ini sebanyak empat pasar tamu yang telah dinaik taraf dalam program berkenaan iaitu di Siburan, Bau, Simunjan dan Sebuyau.

“Sementara satu lagi pasar tamu iaitu Bekenu di Miri kini sedang dalam proses dinaik taraf dan setiap satu projek dianggarkan menelan kos lebih kurang RM800,000,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) dan My Rakyat yang disempurnakan Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Douglas Uggah Embas di Canaan Square di sini semalam.

Program anjuran FAMA itu turut dihadiri Menteri Muda Pmodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah Datuk Dr Abdul Rahman Ismail.



HASIL TANI: Uggah (dua kiri) bersama Zainal (tiga kiri) serta yang lain meninjau hasil tani yang ditempatkan di Peladang eShop yang baharu dirasmikan di Canaan Square.

Menurut Zainal, projek menaik taraf berkenaan amat penting dalam usaha memberi wajah baharu kepada setiap pasar tamu yang dikenal pasti.

“Kita mendapati pasar tamu yang dinaik taraf menunjukkan peningkatan jualan sekitar 30 peratus kerana peserta dapat berniaga dalam suasana lebih baik, selain pameran barang-barang yang tersusun dan pengunjung boleh pergi ke tempat yang bersih,” katanya.

Mengenai program JTDL, Zainal berkata, ia telah dilaksanakan sejak 2017 namun terhad disebabkan wabak COVID-19 yang melanda negara sejak tahun lepas.

Katanya pada 2019, program berkenaan telah dilaksanakan di 576 lokasi seluruh negara yang melibatkan lebih 1,000 peserta dengan nilai jualan RM2.57 juta.

“Pada tahun 2020 meskipun COVID-19 melanda namun Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah membenarkan pembukaan pasar segar dan kita tetap mengadakan program ini.

“Pada tahun berkenaan sebanyak 416 lokasi sahaja dengan nilai jualan RM5.12 juta,” katanya.

Sementara itu beliau optimis dengan pembukaan outlet-outlet FAMA di seluruh negara yang kini sudah mencapai 80 peratus daripada

1,300 outlet, ia merancang lagi aktiviti ekonomi di samping memberi peluang kepada peserta meningkatkan pendapatan serta membolehkan pengguna membeli bekalan.

“Dengan pembukaan outlet berkenaan, lebih RM500 juta nilai jualan dijana dari Januari hingga September tahun ini oleh usahawan yang dikendalikan atau bimbingan FAMA.

“Kita menjangkakan sehingga penghujung tahun ini dengan pembukaan lebih banyak outlet yang ditutup sebelum ini, ia mampu menjana nilai jualan antara RM800 juta hingga RM900 juta oleh usahawan kita,” katanya.



29 OCT, 2021

FAMA teruskan usaha projek menaik taraf pasar tamu termasuk di Sarawak

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUCHING: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan meneruskan usaha projek menaik taraf pasar tamu termasuk di Sarawak dalam usaha mentransformasikan serta mengukuhkan rangkaian peruncitan pasar berkenaan. Ketua Pengarah FAMA Datuk Zainal Abidin Yang Razalli berkata kerajaan persekutuan memperuntukkan kepada FAMA untuk menaik taraf pasar tamu sedia dan selepas itu ia akan diserahkan kepada pihak berkuasa tempatan.